

Malaysia, Brazil perluas kerjasama pendidikan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**

hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia komited memperluas kerjasama dengan Brazil terutama dalam bidang penyelidikan, pembangunan dan pendidikan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara tersebut seiring dengan keperluan global semasa.

“Kita perlu mengubah pemikiran tradisional yang terlalu bergantung kepada negara dan universiti tertentu. Kini tiba masanya kementerian berkaitan, termasuk pendidikan tinggi mempertimbangkan kolaborasi antara universiti dan usaha penyelidikan bersama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis sambutan kejayaan kapal terapung, pengeluaran, penyimpanan, dan pemungghahan (FPSO) Yinson Holdings Bhd. Malaysia, Maria Quiteria, yang memulakan pengeluaran minyak pertamanya pada 15 Oktober lalu, di Rio de Janeiro, Brazil, semalam.

Anwar dalam masa yang sama turut memuji kejayaan FPSO Yinson di Brazil sebagai bukti kebolehan syarikat Malaysia bersaing di peringkat global.

“Pencapaian ini sesuatu yang sangat membanggakan rakyat Malaysia. Ia juga mengukuhkan hubungan persahabatan antara Malaysia dan Brazil,” tambahnya.



ANWAR Ibrahim bersama Luiz Inacio Lula da Silva sebelum mesyuarat dua hala di Rio de Janeiro. Brazil menjelang Sidang Kemuncak G20. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Terdahulu, beliau dalam pertemuan bersama Presiden Brazil, Luiz Inacio Lula da Silva menyatakan negara terbabit menyokong penuh usaha memperluas hubungan dua hala antara kedua-dua negara, termasuk dalam sektor pelaburan dan perdagangan.

“Presiden Lula juga memberi jaminan bahawa pentadbiran beliau akan terus menyokong usaha ini. Beliau turut menunjukkan minat untuk melawat Malaysia sempena Mesyuarat Ketua Kerajaan ASEAN tahun

depan. Ini peluang untuk merapatkan lagi kerjasama industri antara Malaysia dan Brazil,” katanya.

Anwar turut menggalakkan pelabur Brazil meneroka potensi pelaburan di Malaysia, terutama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau.

“Malaysia kini sedang agresif melaksanakan peta hala tuju peralihan tenaga. Saya yakin dengan kepakaran Brazil, kita boleh bekerjasama dalam bidang ini,” katanya.

Beliau juga menzahirkan rasa

kagum terhadap dasar pentadbiran Presiden Lula yang menekankan kesaksamaan global, sokongan kepada negara Global South, dan usaha menghapuskan kemiskinan.

“Komitmen Brazil dalam hal ini sejajar dengan visi Malaysia untuk memperkukuh kerjasama global,” katanya.

Anwar turut menyatakan, selain bidang tenaga, kedua-dua negara bersetuju memperluas kerjasama dalam sektor kritikal seperti semikonduktor.

Beliau juga mengiktiraf potensi Brazil dalam menawarkan peluang yang boleh dimanfaatkan Malaysia, dan sebaliknya.

“Walaupun perdagangan kita kini memberangsangkan, masih banyak ruang untuk kedua-dua negara menawarkan nilai tambah antara satu sama lain,” jelasnya.

Malaysia turut merancang menjemput Brazil menyertai platform antarabangsa ASEAN bersama rakan lain seperti India, China, Jepun, dan EU.

“Kehadiran Presiden Lula di forum ini akan membuka dimensi baharu kerjasama ASEAN-Amerika Latin,” katanya.

Perdana Menteri turut menekankan sokongan Malaysia terhadap inisiatif Selatan-Selatan dan tadbir urus global.

“Dasar ini membolehkan Malaysia bekerjasama lebih erat dengan semua negara, termasuk Brazil, demi mengatasi cabaran sejagat,” katanya.